

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BERTULIS**

DARIPADA : **TUAN OSCAR LING CHAI YEW (SIBU)**

SOALAN : **TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]**
minta **MENTERI PERTANIAN DAN**
INDUSTRI ASAS TANI menyatakan jumlah
permohonan baja yang diluluskan pada
tahun 2009-2014. Senaraikan skim bantuan
lain untuk membantu pekebun kecil di
kawasan SibU.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah permohonan baja yang diluluskan setiap musim kepada petani yang mengerjakan sawah padi adalah berdasarkan kepada keluasan penanaman yang terlibat melalui permohonan petani dan juga kelulusan yang diberikan oleh Ahli Jawatankuasa Penapis. Kos baja adalah tertakluk kepada subsidi dan insentif yang diberikan. Terdapat dua skim subsidi dan insentif di bawah sub sektor padi iaitu Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) dan Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP). Bermula tahun 2013, bagi SBPKP iaitu Baja Urea dan Baja Sebatian, jumlah yang diperuntukkan setiap tahun adalah sebanyak RM465 juta manakala bagi SIPP yang merangkumi Baja NPK Tambahan, Baja Organik, Baja Foliar dan *Growth Enhancer* adalah sebanyak RM563 juta setahun.

Setiap pengusaha tanaman padi dikehendaki mendaftar permohonan mereka untuk pertimbangan dan kelulusan oleh jawatankuasa penapis pada setiap musim dan permohonan mestilah berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan bagi melayakkan menerima bantuan subsidi dan insentif dari Kerajaan.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BERTULIS : DATO' HAJI MAHFUZ BIN OMAR
DARIPADA [POKOK SENAJ]

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Haji Mahfuz bin Omar [Pokok Sena] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah jumlah kakitangan awam di universiti awam yang dikenakan tindakan tatatertib serta jenis hukuman yang dikenakan sejak tahun 2000 hingga 2014.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga tahun 2014, terdapat 1,267 kes yang dilaporkan yang melibatkan tindakan tatatertib terhadap kakitangan awam di universiti awam. Pihak Universiti awam mengunapakai Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) (Akta 605) dalam mengendalikan kes-kes seperti ini di mana kuasa adalah di bawah Lembaga Tatatertib Universiti masing-masing.

Antara jenis hukuman yang dikenakan di bawah akta ini adalah berdasarkan kepada merit dan tahap keseriusan sesuatu kes seperti seperti berikut:

1. Amaran.
2. Denda.
3. Potongan emolumen.
4. Turun gaji.
5. Tangguh pergerakan gaji.
6. Buang kerja.
7. Penamatan perkhidmatan demi kepentingan awam.